

Masalah banjir di Hulu Langat tiada kesudahan



Kata Saya

Oleh Rasid Rahaman
rasid@bharian.com.my

PERISTIWA 2006 tidak akan luput di ingatan 1,200 penduduk Taman TTDI Jaya, Shah Alam apabila hampir sebahagian besar rumah mereka ditenggelami banjir lumpur.

Mereka bukan hanya kerugian harta benda yang dianggarkan bernilai jutaan ringgit, malah trauma yang dialami terus berpanjangan kerana kawasan itu sentiasa dinaiki air apabila sungai berhampiran tidak mampu menampung kapasiti air.

Bagaimanapun, usaha proaktif yang dijalankan kerajaan Selangor yang ketika itu di bawah kepimpinan Barisan Nasional (BN), Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) serta pemaju, TTDI Development Sdn Bhd, melaksanakan pelan tindakan termasuk projek pelebaran sungai, pembinaan benteng serta pemasangan pam, melegakan penderitaan penduduk.

JPS membelanjakan RM2.3 juta untuk memasang tiga pam air berkuasa tinggi bagi mengawal secara automatik kadar peningkatan air di lokasi tertentu di Sungai Air Kuning, manakala pemaju mengeluarkan kos RM14.3 juta untuk kerja penyelenggaraan sistem saliran.

Malah, projek terbabit turut merangkumi operasi melebar serta membersihkan dua sungai utama iaitu Sungai Air Kuning dan Sungai Damansara, selain menambah tiga stesen pam kekal dari Jerman untuk memastikan tiada masalah air melimpah ke kawasan perumahan.

Usaha proaktif kerajaan bersama pemaju ini tentu melegakan penduduk kerana selepas projek itu

dilaksanakan, penduduk TTDI Jaya tidak lagi berhadapan dengan banjir besar.

Keadaan berbeza dengan penduduk Hulu Langat, terutama di Kampung Sungai Serai kerana selepas empat hari selesai membersihkan rumah mereka yang dilanda banjir teruk 8 Mac lalu, mereka sekali lagi diuji dengan banjir kilat sehingga paras lutut termasuk pokok tumbang selepas hujan berterusan selama dua jam, kelmarin.

Hujan bermula jam 2 petang itu menyebabkan lebih 15 rumah di Kampung Sungai Serai dan Taman Sri Nanding dinaiki air menyebabkan penduduk terpaksa mengerah tenaga buat kali kedua membersihkan rumah akibat lumpur.

Kebanyakan penduduk yang masih trauma selepas mengalami kerugian teruk akibat banjir dua minggu lalu tidak menyangka hujan lebat hampir dua jam kelmarin menyebabkan rumah mereka sekali

lagi dinaiki air.

Penduduk mendakwa hujan lebat menyebabkan air dari Sungai Betung melimpah ke kawasan rumah mereka sehingga paras lutut.

Masalah yang dihadapi penduduk Hulu Langat seperti tiada kesudahannya. Kerajaan negeri pimpinan pakatan pembangkang yang diketuai Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang juga Menteri Besar, hanya membisu seribu kata kerana sehingga kini tidak ada usaha proaktif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk terbabit.

Begitu juga Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) yang terus melarikan diri dengan mendakwa kawasan yang dilanda banjir itu bukan di bawah pentadbirannya, sebaliknya Majlis Daerah Hulu Langat (MDHL).

Bagi JPS pula ketika ditanya hanya mampu berkata, perancangan untuk membina projek tebatan banjir sudah dibuat, tetapi peruntukan yang dimohon daripada Kera-

jaan Pusat masih belum diperoleh.

Apa dah jadi ni....semuanya kini terus melarikan diri daripada tanggungjawab untuk membantu penduduk Hulu Langat yang sengsara setiap kali hujan lebat.

Kepada siapa seharusnya mereka mengadu supaya masalah yang dihadapi itu dapat ditangani seperti dilakukan oleh kerajaan Selangor pimpinan BN di TTDI Jaya pada 2006?

Susah sangatkah kerajaan Selangor sedia ada mengeluarkan peruntukan untuk melaksanakan kerja mendalam dan melebarkan Sungai Langat serta Sungai Betung, yang cetek sekali gus dipercayai menjadi punca kawasan terbabit sering dinaiki air setiap kali hujan lebat?

Susah sangatkah?...renung-renungkanlah. Bagi saya, bila kita sayang kepada dia, bukan cara bagaimana kita mahu memilikinya, tetapi bagaimana caranya kita dapat membahagiakannya.